

SELAGI SUKARNO MEMERINTAH NEGARA INDONESIA AKAN HANCUR?

Sukarno Melaksanakan Kekuasaan Diktatornya di Indonesia

Dengan kejadian-kejadian yang berlaku di Indonesia hari ini iaitu dengan Sukarno memerintahkan supaya Republic Revolusioner Indonesia di Padang yang menuntut supaya Jemaah Menteri Juanda yang ditubuhkan oleh Sukarno sendiri (promoter-nya) dan dewan nasional yang diketuai yang nasihatnya mesti diikuti itu dibubarkan, dibom dan diserang dengan menggunakan kekerasan. Kata Sukarno, di dalam pidato-pidatonya bahawa tuntutan mereka tidak dengan cara perlembagaan, pada hal mereka di Padang itu telah melihat bahawa tidak mungkin bagi mengubah yang demikian di dalam perlembagaan sebab dengan adanya cara yang dibawa Sukarno (juga melanggar perlembagaan) maka orang-orang yang tidak disukainya satu demi satu ditangkap dan disingkirkan supaya Sukarno penuh berkuasa di Indonesia boleh berbuat hitam atau putih dengan tidak ada orang yang akan menggalang atau menahannya.

Tiga cara yang dibuat oleh Sukarno untuk menghadap tuntutan perubahan yang dikehendaki oleh daerah-daerah untuk keselamatan rakyat umumnya:

1. Pemboman daerah-daerah yang menghubungkan Sumatera Barat dengan daerah-daerah lain – demikian juga Sulawesi Utara.
2. Sekatan ekonomi dengan mengepung perhubungan daerah-daerah itu keluar negeri.
3. Menghantarkan tentera-tentera untuk menghapuskan tuntutan mereka dengan menggunakan alat ketenteraan.

Selain daripada tiga jalan ini tidak ada dicari jalan untuk mengadakan perundingan-perundingan menyiasat apakah yang jadi sebab musabab maka berdiri negara lain. Tidak ada jalan rundingan dibuka untuk mencari penyelesaian yang berulur bertarik di antara kemahuan daerah dengan kedudukannya yang membawa kebaikan kepada muslihat rakyat jelata sebab daerah telah mengetahui

penderitaan rakyat jelata (terutamanya di Jawa) tidak tahan lagi dilihat oleh mereka. Kepincangan masyarakat sekarang adalah sangat-sangat mendukacitakan mereka sedang Sukarno khayal dengan kebesarannya dijulang oleh Komunis. Komunis sengaja menghendaki masyarakat yang pincang kerana di dalam kepincangan masyarakat itulah ia akan subur.

Apakah ertinya tiga cara yang dijalankan oleh Sukarno? Dunia luar sekarang mengetahui dengan tepat Sukarno sekarang menghendaki supaya tiap-tiap orang tunduk kepada kemahuannya. Tuntutan Dr. Hatta supaya Jemaah Menteri Juanda dibubarkan sebagai salah satu ikhtiar penyelesaian, sebagaimana yang diberitakan, menjadi suatu penyelesaian, yang sangat tinggi harganya – kata Sukarno. Ertinya bahawa Sukarno tidak mahu sama sekali berganjak daripada langkah-langkahnya menghendaki supaya Komunis akan diberi

kebebasan-kebebasan dalam melaksanakan cita-citanya sedang orang-orang Komunis masa ini menjulang setinggi-tingginya kepada Sukarno.

Kerana melaksanakan kemahuan-kemahuannya itu maka Sukarno sudah nampak tidak akan mahu berganjak daripada mempertahankan Jemaah Menteri yang dibentuk olehnya dan kerana itu ia terus memerintahkan dan dibom dan mengerah bala tentera yang masih taat kepadanya untuk menggulung musuh-musuhnya. Tetapi menjadi suatu pertanyaa apakah Sukarno akan dapat menguasai daerah pemberontak itu sebagaimana ia belum dapat menguasai perjuangan-perjuangan menegakkan negara Islam yang diketuai oleh Kartosuwiryo?

Kalau dahulu ia dengan megah berkata bahawa ia meminta kepada orang-orang ini (*Dār al-Islām*) supaya keluar dengan kemudiannya mengugut jika tidak mahu keluar ((meriam akan berbicara)). Meriam berbicara itu tidak jaya pada hal masa itu seluruh angkatan perang Indonesia patuh kepadanya maka apakah mungkin, dengan keadaan-keadaan



Mr. Sjafruddin Prawiranegara

Kernel Zulkifli Lubis

daerah umumnya tidak senang hati kepada pusat, perbuatan-perbuatan Sukarno itu akan berjaya? Tidak mungkin.

Sebab-sebabnya ialah dengan langkah sekatan *iqtiṣād* yang dilakukannya bukannya hanya melemahkan daerah-daerah yang disekat itu tetapi dengan sendirinya pula melemahkan kedudukan di pusat. Pusat (kerajaan Sukarno di Jawa) adalah bergantung hasil mahsulnya untuk keselamatannya, kepada penghasilan daerah-daerah itu dan jika terjadi serangan-serangan Sukarno ke atas pihak Republic Revolutioner itu maka apakah tidak mungkin mereka membuat cara ((bumi hangus)) iaitu sambil mundur membakar segala bekalan-bekalan *iqtiṣād* yang dikehendaki oleh Sukarno?

Suatu hal lagi yang harus diperhatikan bahawa beras-beras yang ada di Thailand, di Burma, dan harus pula di Indo-China adalah sentiasa di dalam kawalan saudagar-saudagar bangsa Cina. Sebagaimana riak-riaknya orang-orang Cina enggan mengangkut beras mereka untuk dibawa ke Jawa akan jadi suatu pertanyaan yang besar apa tidakkah nanti *iqtiṣād* di Jawa yang sekarang makin buruk itu akan menjadi lebih-lebih buruk dan akan membawa kepada revolusi sosial yang terbit daripada rakyat yang telah tidak tertahan lagi menderita sedang pemimpin-pemimpin mereka sentiasa bersuka ria dan hidup mewah? Komunis harus akan berdiri di belakang revolusi sosial itu kerana itulah yang diidam-idamkan untuk ia bertapak merebut kekuasaan di Jawa.

Jika terjadi demikian di mana kedudukan



*Hartini dengan anaknya
yang telah menggemparkan dunia Indonesia*

Sukarno? Menjadi pemimpin Komunis tidak mungkin. Pada saat itulah nanti perkara-perkara yang ditakuti oleh Sukarno dibongkar oleh orang-orang Komunis akan dikeluarkan mereka, diterangkan mereka kepada rakyat bahawa inikah jenisnya manusia yang hendak dijadikan pemimpin? Apabila terjadi demikian ke mana Sukarno hendak pergi? Ke Parti Islam? Ke Sosialis? Ke partinya sendiri? Semuanya sudah tidak berkuasa lagi di Jawa. Akhirnya tentu keluar negeri – dan inilah barangkali yang telah dihitung oleh Sukarno dengan mengirinkan harta bendanya disimpan di luar negeri untuk cagaran hidupnya.

Inilah tokohnya Sukarno – dan ini telah diketahui oleh pemimpin-pemimpin Indonesia. ((Saya akan ber-gurila bersama-sama saudara)) – katanya dalam masa

serangan Belanda yang kedua dalam merebut kemerdekaan dahulu. Tetapi ke mana Sukarno? Ia tidak mahu ke hutan berpayah-payah – ia lebih senang di dalam tahanan Belanda!! Beginilah gambaran Sukarno yang dilihat oleh pemimpin-pemimpin yang insaf!

Perjuangannya semata-mata untuk kemenangan dirinya dengan sepenuh-penuhnya. Ke mana-mana ia pergi di seluruh Indonesia maka di sana timbul riwayat-riwayat pemuasan hawa nafsu – demikian juga keluar negeri tidak asing lagi; dan kerana itu orang-orang Indonesia sendiri pernah bertanya: Inikah orang yang boleh dijadikan pemimpin?! Orang Islam tentu mengerti apa yang mesti dijawab kepada soal ini.

Dengan adanya sekalian ini mudah-mudahan yang dilakukan oleh Sukarno kepada orang-orang yang melawan kebatilan itu semoga disokong Tuhan sehingga dengannya golongan yang menegakkan ketuhanan itu akan terus jaya dan maju – Āmin.



*Kernel Berlian
Kernel Ahmad Husin*